



ALBUM ... Dzulkipli (tengah) dan D. Kamarudin bergambar bersama mahasiswa UMS yang menyertai program itu.

Mahasiswa digesa pegang prinsip '3J'

NST 12.11.2017 3
OLEH MARRYAN RAZAN

KOTA KINABALU: Golongan mahasiswa harus berani mengatakan tidak kepada rasuah dan penyalahgunaan kuasa bagi memastikan negara bebas rasuah menjelang tahun 2050.

Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah (SPRM) Tan Sri Dzulkipli Ahmad turut meminta para mahasiswa supaya sentiasa memegang prinsip '3J' iaitu Jangan Hulus, Jangan Kautim dan Jangan Settle.

Beliau berkata ini penting kerana golongan mahasiswa pada masa kini adalah bakal pemimpin negara akan datang dan menerajui pelbagai sektor awam dan swasta.

"Kita mengadakan program seumpama ini dengan memberi tumpuan dan penekanan terhadap golongan mahasiswa kerana mereka adalah pemimpin negara yang akan memimpin negara pada tahun 2050, seterusnya akan memastikan negara kita bersih daripada rasuah dan penyalahgunaan kuasa," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada majlis Perhimpunan Mahasiswa Anak Muda Memerangi Rasuah dan Salah Guna Kuasa 2.0 Borneo (PEMARAH) di Universiti Malaysia Sabah (UMS), di sini, kelmarin.

Dzulkipli berkata, berdasarkan Kajian Persepsi Keberkesanan Tindakan Pencegahan Rasuah yang dibuat SPRM tahun 2016, menunjukkan 16 peratus daripada 1,000 orang mahasiswa yang menjadi responden sanggup menerima rasuah jika mempunyai peluang dan kuasa.

"Hasil kajian itu turut mendapati 18.5 peratus bersedia memberi rasuah agar tidak dikenakan tindakan.

"Mengikut hasil kajian, ia agak membimbangkan. Bagaimanapun saya yakin dan percaya mahasiswa yang ada di hadapan saya adalah bermaruah tinggi yang tidak melakukan rasuah dan salahguna kuasa," katanya.

Sehubungan itu, beliau menyeru semua mahasiswa supaya menterjemahkan '3J' dan menyemai semangat membenci amalan rasuah seterusnya berani mengatakan tidak kepada rasuah dan salahguna kuasa.

Beliau berkata, SPRM akan meneruskan Program PEMARAH untuk mendekati golongan mahasiswa.

"Program pertama kita dilaksanakan di Universiti Sains Islam Malaysia di Nilai dan pada minggu hadapan pula, kita akan mengadakan program ini di Sarawak," katanya.

Dzulkipli berkata, SPRM akan memulakan program Gerakan Revolusi Antirasuah (GERAH) di sekolah rendah dan menengah bermula tahun depan.

"Kita mahu perkara ini menjadi sebatik dalam diri kanak-kanak peringkat awal persekolahan dan membiasakan diri dengan mengetahui isu-isu rasuah dan salah guna kuasa kerana kita mahu melahirkan generasi baru Malaysia yang prihatin tentang isu-isu rasuah dan salah guna kuasa.

"Ini adalah usaha berterusan SPRM kepada seluruh masyarakat termasuk golongan mahasiswa, murid sekolah rendah, sekolah menengah, sektor swasta dan awam," katanya.

Selain itu katanya, SPRM juga akan melaksanakan program kemasyarakatan iaitu Program Ziarah Kasih di kawasan luar bandar agar masyarakat luar bandar tidak terpinggir daripada program kesedaran memerangi rasuah dan salahguna kuasa.

"Program pertama kita adakan di Baling, dan esok (hari ini) SPRM akan bersama masyarakat luar bandar di Keningau," katanya.

Selain menjadi platform untuk SPRM mendekati rakyat, program itu juga memberi peluang kepada badan itu menerangkan tugas dan fungsinya dalam membantenteras gejala rasuah.

Turut hadir Naib Canselor Universiti Malaysia Sabah Prof. Dr. D. Kamarudin D. Mudin.